



PERATURAN TETAP

Konvensyen Kecemerlangan
Dan Kecergasan
Jabatan Perkhidmatan
Veterinar (DVS)
Tahun 2020

21 - 25 FEBRUARI 2020

IPOH, PERAK



PERATURAN TETAP
KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



1. DEFINISI

- 1.1 **Konvensyen Kecemerlangan dan Kecergasan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia** atau ‘**KARNIVAL SUKAN DVS**’ adalah bermaksud satu pertandingan beraneka jenis sukan (*multi sports event*) yang dipertandingkan diantara **Kelab-Kelab Sukan dan Kelab Veterinar Negeri serta Agensi di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia**.
- 1.2 **Kelab Sukan dan Kebajikan Anggota-Anggota Jabatan Perkhidmatan Veterinar** bermaksud Kelab/Persatuan/Majlis/Badan Sukan di bawah Jabatan Persekutuan atau Negeri di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan.
- 1.3 **JAWATANKUASA PENGANJURAN** bermaksud Jawatankuasa Tertinggi KARNIVAL SUKAN DVS bagi penyelarasan penyertaan kontinjen.
- 1.4 **JAWATANKUASA PENGELOLA** bermaksud Jawatankuasa yang dilantik untuk mengelolakan KARNIVAL SUKAN DVS.

2. PRINSIP-PRINSIP ASAS

- 2.1 **KARNIVAL SUKAN DVS** adalah satu program di bawah **Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia** anjuran Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar (IPPV) Putrajaya dan akan diadakan setiap **dua (2) tahun** sekali.
- 2.2 Arahan pengelolaan KARNIVAL SUKAN DVS akan terletak hak kepada **KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR (KPPV)**.
- 2.3 Penghormatan pengelolaan KARNIVAL SUKAN DVS haruslah diamanahkan kepada semua DVS Negeri/Agensi secara bergilir-gilir pada tahun-tahun genap.

3. JAWATANKUASA PENGANJURAN KARNIVAL SUKAN DVS

- 3.1 Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia hendaklah menjadi Penggerusi Jawatankuasa Penganjuran.
- 3.2 Ahli-ahli Jawatankuasa Penganjuran adalah merupakan Ahli Jawatankuasa Pengurusan KESUVET Putrajaya iaitu:
 - a. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
 - b. Penggerusi KESUVET
 - c. Setiausaha Kehormat KESUVET
 - d. Penolong Setiausaha Kehormat KESUVET
 - e. Bendahari Kehormat KESUVET
 - f. Penggerusi Biro Sukan KESUVET
- 3.3 Ahli-ahli Jawatankuasa Penganjuran akan menjawat jawatan selama dua (2) tahun dan ahli-ahli boleh dilantik semula.



PERATURAN TETAP
KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



3.4 Tempoh jawatan bagi seseorang ahli yang dilantik untuk mengisi sesuatu kekosongan ialah selama baki tempoh jawatan ahli yang mengosongkan jawatan itu.

3.5 TUGAS-TUGAS JAWATANKUASA PENGANJURAN

- a. Jawatankuasa Penganjuran sebagai sebuah organisasi bebas yang akan **menetapkan perkara-perkara dasar dan peraturan KARNIVAL SUKAN DVS**.
- b. Menjamin KARNIVAL SUKAN DVS dapat berjalan dengan lancar menurut masa dan giliran yang ditetapkan.

3.6 KUASA-KUASA JAWATANKUASA PENGANJURAN

- a. Pengerusi Jawatankuasa Penganjuran berkuasa memanggil sesuatu mesyuarat apabila difikirkan perlu. Separuh daripada ahli Jawatankuasa Penganjuran yang menghadiri mesyuarat adalah dikira sebagai korum.
- b. KARNIVAL SUKAN DVS akan mempertandingkan **minimum 20 jenis sukan dan acara**.
- c. Prosedur dan tarikh akhir pendaftaran penyertaan bagi pertandingan sukan dalam KARNIVAL SUKAN DVS ditetapkan oleh Jawatankuasa Penganjuran.
- d. Jawatankuasa Penganjuran **BOLEH MENGGANTUNG** ahli gabungan, pasukan, pegawai, jurulatih, atau peserta yang melanggar peraturan daripada mengambil bahagian di KARNIVAL SUKAN DVS yang berikutnya.
- e. Jawatankuasa Penganjuran mempunyai kuasa untuk menjemput atau menerima permohonan mana-mana peserta/kontinjen untuk bertanding dalam mana-mana acara sukan yang dipertandingkan dalam KARNIVAL SUKAN DVS sebagai peserta/ kontinjen jemputan.
- f. Jawatankuasa Penganjuran **boleh mengarahkan atau menarik balik** semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa-Jawatankuasa yang lain sekiranya difikirkan perlu.

4. JAWATANKUASA PENGELOLA KARNIVAL SUKAN DVS

4.1 Jawatankuasa Pengelola terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan beberapa orang ahli yang difikirkan perlu yang dilantik oleh **Pengerusi Jawatankuasa Penganjuran** atau oleh Pengarah DVS Negeri/Agensi yang dipilih untuk mengelolakan KARNIVAL SUKAN DVS dan hendaklah **disahkan** oleh Pengerusi Jawatankuasa Penganjuran.



PERATURAN TETAP
KONVENTSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



4.2 Tempoh perkhidmatan Ahli-ahli Jawatankuasa Pengelola bermula dari tarikh ianya dilantik sehingga selesai tugasnya dan tidak lebih dari tarikh KARNIVAL SUKAN DVS berikutnya diadakan.

4.3 TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PENGELOLA

- a. Merancang, melaksana dan mengelola **sepenuhnya** KARNIVAL SUKAN DVS.
- b. Mengadakan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pengelola dari semasa ke semasa.
- c. Menubuh dan melantik **Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil** dengan mempunyai bidang tugas khusus dalam melaksanakan pengelolaan KARNIVAL SUKAN DVS.
- d. Pada amnya **bertanggungjawab** kepada Jawatankuasa Penganjuran.

4.4 TUGAS-TUGAS JAWATANKUASA PENGELOLA

- a. Jawatankuasa Penganjuran menyerahkan segala tugas penganjuran KARNIVAL SUKAN DVS kepada Pengarah DVS Negeri/Agensi yang telah dipilih mengikut kandungan perjanjian yang telah dipersetujui oleh kedua- dua pihak.
- b. Negeri/Jabatan hendaklah menubuhkan sebuah **Jawatankuasa Pengelola** dan segala urusan penganjuran KARNIVAL SUKAN DVS perlu mendapat kerjasama Persatuan Sukan Kebangsaan dan Negeri supaya pengelolaan dibuat mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan.
- c. Jawatankuasa Pengelola adalah bertanggungjawab membuat segala persediaan yang perlu untuk KARNIVAL SUKAN DVS dan ianya adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Penganjuran.
- d. Wakil Jawatankuasa Penganjuran dari semasa ke semasa hendaklah dijemput hadir ke mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pengelola.
- e. Jawatankuasa Pengelola hendaklah menubuhan **Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan** yang mendapat nasihat daripada Persatuan Sukan Kebangsaan atau Negeri dan tiap-tiap sukan yang dipertandingkan dan menubuhan **Delegat Teknikal** (Jawatankuasa Kecil Teknikal dan Pertandingan) bagi setiap sukan yang dipertandingkan dan pengurusnya akan dilantik sebagai **Pengurus Pertandingan**.



PERATURAN TETAP
KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



5. JAWATANKUASA TETAP KARNIVAL SUKAN DVS

- 5.1 Sebuah **JAWATANKUASA TETAP KARNIVAL SUKAN DVS** akan ditubuhkan oleh Jawatankuasa Penganjuran yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau wakilnya dan dua (2) orang ahli terdiri daripada wakil KESUVET Putrajaya dan Pengarah DVS Negeri/Agensi atau wakil yang menjadi tuan rumah.
- 5.2 **JAWATANKUASA TETAP KARNIVAL SUKAN DVS** ini berkuasa meneliti dan seterusnya membuat keputusan bagi pihak Jawatankuasa Penganjuran dan Jawatankuasa Pengelola sekiranya terdapat perkara-perkara berbangkit yang boleh menjadkan perjalanan pertandingan KARNIVAL SUKAN DVS.
- 5.3 Segala keputusan **JAWATANKUASA TETAP KARNIVAL SUKAN DVS** adalah **MUKTAMAD**.

6. SEKTERIAT

- 6.1 Sekteriat adalah sebuah badan eksekutif yang bertugas sepenuh masa dalam membantu mengelolakan KARNIVAL SUKAN DVS.
- 6.2 Sekteriat adalah bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Penganjuran dan Jawatankuasa Pengelola.

7. PERATURAN PENGELOLAAN

- 7.1 Jawatankuasa Penganjuran akan menetapkan tarikh, bandar dan negeri di mana KARNIVAL SUKAN DVS berikutnya akan diadakan. DVS Negeri/Agensi yang diamanahkan bagi mengelolakan KARNIVAL SUKAN DVS adalah bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Penganjuran untuk membentuk sebuah Jawatankuasa Pengelola bagi mengendalikannya.
- 7.2 DVS Negeri/Agensi yang diberi penghormatan pengelolaan hendaklah memberi pengakuan bertulis atas kesanggupan bagi mengelolakan KARNIVAL SUKAN DVS.
- 7.3 KARNIVAL SUKAN DVS hendaklah seboleh-bolehnya diadakan **dua (2) tahun sekali**.
- 7.4 Tempoh pelaksanaan KARNIVAL SUKAN DVS hendaklah **tidak melebihi tujuh (7) hari** termasuk masa untuk acara perasmian dan penutup.
- 7.5 Jawatankuasa Penganjuran akan menetapkan **jumlah dan jenis sukan** yang akan dipertandingkan dalam KARNIVAL SUKAN DVS.
- 7.6 Jemputan untuk menyertai KARNIVAL SUKAN DVS hendaklah dihantar oleh Jawatankuasa Pengelola atas arahan Jawatankuasa Penganjuran dan hendaklah dialamatkan kepada semua Pengarah DVS Negeri/Agensi dan dengan mencatatkan perkataan-perkataan berikut:-



PERATURAN TETAP
KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



“Sesuai dengan arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar maka inilah Jawatankuasa Pengelola Sukan DVS Kali ke ..., Tahun 20... dengan segala hormatnya menjemput menyertai dalam pertandingan yang akan diadakan di dari sehingga

- 7.7 Semua dokumen seperti kad-kad jemputan, borang penyertaan, borang-borang teknik, program dan sebagainya, dicetak, diukir atau yang digunakan sewaktu KARNIVAL SUKAN DVS mahupun lencana hendaklah menzahirkan atau mengambarkan **siri bilangan Sukan DVS** dan **nama bandar** di mana berlangsungnya KARNIVAL SUKAN DVS.

8. PENAJAAN DAN KUTIPAN

- 8.1 Lambang dan logo KARNIVAL SUKAN DVS tidak boleh digunakan bagi maksud perniagaan kecuali dengan kebenaran Jawatankuasa Penganjuran.
- 8.2 Setiap DVS Negeri/Agensi dan Jawatankuasa Pengelola boleh memasukkan ciri-ciri logo KARNIVAL SUKAN DVS yang terdahulu untuk menghasilkan rekabentuk logo KARNIVAL SUKAN DVS yang berkenaan.
- 8.3 Jawatankuasa Penganjuran mempunyai hak milik penuh ke atas KARNIVAL SUKAN DVS dan juga eksplotasi promosi dan penyiaran.
- 8.4 Semua rundingan penajaan hendaklah dibuat bersama antara Jawatankuasa Pengelola, Jawatankuasa Penganjuran dan pihak penaja.
- 8.5 Setelah Jawatankuasa Pengelola dimansuhkan, DVS Negeri/Agensi tersebut hendaklah menyedia dan menyerahkan satu laporan lengkap **Penyata Kewangan** yang telah diaudit kepada Jawatankuasa Penganjuran selewat-lewatnya **enam (6) bulan** selepas KARNIVAL SUKAN DVS berakhir.



PERATURAN TETAP
KONVENTSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



9. PEMILIHAN TUAN RUMAH SUKAN DVS

- 9.1 Pemilihan tuan rumah KARNIVAL SUKAN DVS dibuat secara giliran diantara DVS Negeri/Agensi yang diputuskan sepenuhnya oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar.
- 9.2 Jawatankuasa Penganjuran akan berbincang dan mendapat persetujuan dari bakal tuan rumah Karnival Sukan DVS yang telah dikenalpasti oleh KPPV bagi sesi berikutnya terlebih dahulu sebelum diumumkan dalam Ucapan Penutup Rasmi Karnival Sukan DVS.
- 9.3 DVS Negeri/Agensi yang terpilih dikehendaki menandatangani perjanjian setuju-terima dengan Jawatankuasa Penganjuran. Perjanjian itu hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar atau wakilnya bagi pihak Jawatankuasa Penganjuran dengan Pengarah DVS Negeri/Agensi atau wakilnya bagi pihak Jawatankuasa Pengelola.

10. PENETAPAN BILANGAN DAN JENIS SUKAN/ACARA

- 10.1 Jumlah dan jenis-jenis sukan/acara yang akan dipertandingkan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Penganjuran dengan mengambilkira kepada keperluan pembangunan sukan semasa dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh tuan rumah dan DVS Negeri/Agensi.

11. ACARA PEMBUKAAN

- 11.1 YB Menteri MOA/Ketua Setiausaha MOA/Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar atau wakil akan disambut dipintu masuk stadium /tempat perasmian oleh Pengerusi Jawatankuasa Penganjuran dan Pengerusi Jawatankuasa Pengelola. Kedua-dua Pengerusi ini akan memperkenalkan ahli-ahli Jawatankuasa masing-masing kepada YB Menteri MOA/Ketua Setiausaha MOA/Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar atau wakil.
- 11.2 YB Menteri MOA/Ketua Setiausaha MOA/Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar atau wakil akan dirungi masuk ke Pentas Utama.
- 11.3 Lintas Hormat oleh semua kontinjen DVS Negeri/Pusat yang mengambil bahagian bermula. Setiap kontinjen akan berpakaian sukan menurut susunan abjad atau secara undian kecuali pasukan tuan rumah akan mengekori dari belakang.
- 11.4 Sebaik sahaja kontinjen akan melintas di hadapan Pentas Utama, maka kontinjen hendaklah memberi tabik hormat dengan memalingkan kepala ke arah Pentas Utama. Semua kontinjen akan berbaris di tengah-tengah padang menghadapi Pentas Utama.



PERATURAN TETAP
KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



- 115 Pengerusi Jawatankuasa Penganjuran menyampaikan ucapan. Pengerusi Jawatankuasa Pengelola menyampaikan ucapan dan seterusnya menjemput YB Menteri MOA/Ketua Setiausaha MOA/Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar atau wakil untuk merasmikan pembukaan KARNIVAL SUKAN DVS dengan pengisytiharan berikut:-

“Saya dengan sukacitanya mengisytiharkan bahawa Konvensyen Kecemerlangan Dan Kecergasan Jabatan Perkhidmatan Veterinar kali Ke... Tahun 20.. berlangsung di dari hingga dibuka dengan rasminya”.

Ini akan diikuti dengan Bendera KARNIVAL SUKAN DVS dikibarkan secara perlahan-lahan dan kemudiannya diikuti dengan upacara melafazkan ‘**IKRAR KEJOHANAN**’ oleh seorang peserta dari kontinjen tuan rumah iaitu:-

“Kami berikrar bahawa kami akan mengambil bahagian dalam Konvensyen Kecemerlangan Dan Kecergasan DVS kali ke ... tahun dengan ikhlas, patuh kepada segala undang-undang dan akan bertanding dengan penuh semangat kesukanan bagi meningkatkan mutu sukan negara”.

- 116 Semua kontinjen akan bergerak keluar dari padang dan diikuti oleh Pertandingan atau pertunjukan yang dijadualkan.

12. PINGAT KEMENANGAN

- 12.1 Hadiah kemenangan untuk KARNIVAL SUKAN DVS hendaklah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola dan ia mestilah di dalam bentuk **medal** sahaja.
- 12.2 HANYA Johan (Pingat Emas) dan Naib Johan (Pingat Perak) akan diberikan medal manakala pasukan yang tewas diperingkat separuh akhir akan diisytiharkan sebagai pemenang tempat ketiga (pingat Gangsa – medal tidak disediakan, bergantung kepada Jawatankuasa Pengelola)
- 12.3 Medal akan disediakan mengikut bilangan maksima peserta bagi setiap acara dan setiap pemain (termasuk pengurus) yang didaftarkan layak untuk menerima medal kemenangan.

13. UPACARA PENYAMPAIAN PINGAT KEMENANGAN

- 13.1 Pingat-pingat kemenangan akan dihadiahkan kepada pemenang-pemenang sebaik sahaja selesai acara sesuatu pertandingan di tempat berlangsungnya pertandingan berkenaan. Pemenang pertama berdiri dan pemenang kedua di kirinya.



PERATURAN TETAP
KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



- 132 Jawatankuasa Pengelola hendaklah melantik/menamakan penyampai pingat-pingat kemenangan bagi tiap-tiap jenis sukan yang dipertandingkan. **Pengurus Pertandingan** bagi tiap-tiap jenis sukan hendaklah memastikan pingat-pingat kemenangan, penerima, penyampai dan susunatur majlis penyampaian pingat adalah dalam keadaan sedia sebelum/pada perlawanan akhir bagi tiap-tiap jenis sukan agar majlis tersebut berjalan dengan lancar.

14. PIALA PUSINGAN

- 14.1 Jawatankuasa Penganjuran/Jawatankuasa Pengelola akan menyediakan piala-piala pusingan bagi anugerah seperti berikut:-
- I. Johan Keseluruhan
 - II. Johan Setiap Jenis Sukan
- 14.2 Pemilihan Johan Keseluruhan adalah berdasarkan kepada jumlah pungutan pingat yang diperolehi oleh setiap kontinjen.

15. UPACARA PENUTUP

- 15.1 Upacara Penutup Rasmi hendaklah dilakukan semasa Majlis Makan Malam Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (KPPV).
- 15.2 Majlis Makan Malam KPPV ini akan diuruskan sepenuhnya oleh Jawatankuasa Penganjuran dan dibantu oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 15.3 Semua peserta akan memasuki dewan mengikut kontinjen masing-masing dan duduk di tempat yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Penganjuran.
- 15.4 Tetamu Kehormat yang dijemput untuk merasmikan Upacara Penutup Rasmi KARNIVAL SUKAN DVS akan membuat pengisytiharan berikut:-

“Saya dengan sukacitanya mengisyiharkan Konvensyen Kecemerlangan Dan Kecergasan DVS Tahun ... ditutup dengan rasminya. Semoga semua pegawai dan kakitangan, warga kerja Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia akan dapat berhimpun semula dua tahun dari sekarang di untuk menyertai Konvensyen Kecemerlangan Dan Kecergasan DVS Kali Ke”.

16. PINDAAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

- 16.1 Semua undang-undang, Peraturan Tetap dan Peraturan Am serta Peraturan Pertandingan KARNIVAL SUKAN DVS hanya **BOLEH DIPINDA** setelah dibincangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan KESUVET.